

Mukhriz bertanding kerusi DUN
Utusan Online
19 Mei, 2012

JERLUN 18 Mei - Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Mukhriz Mahathir menyerahkan kepada pucuk pimpinan Barisan Nasional (BN) untuk menentukan sama ada beliau akan bertanding sebagai calon kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) atau Parlimen pada Pilihan Raya Umum Ke-13 nanti.

Ahli Parlimen Jerlun itu berkata, beliau telah menerima beberapa pandangan termasuk 'orang merisik' agar bertanding di kawasan lain namun sebagai ahli parti, beliau yakin pucuk pimpinan lebih arif apa yang terbaik baginya.

"Dalam soal ini saya bersifat terbuka, hendak letak saya di mana sahaja pun sama ada DUN atau Parlimen terpulanglah, kerana yang penting saya akan buat yang terbaik untuk rakyat," katanya ketika berucap pada majlis penyampaian elaun sara hidup nelayan di Bangunan UMNO Bahagian Jerlun di sini semalam.

Turut hadir Ketua UMNO Bahagian Jerlun, Datuk Abu Hassan Sharif.

Mukhriz yang juga Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kedah berkata, selagi warga Jerlun memerlukan perkhidmatannya maka selagi itu beliau mahu berkhidmat di kawasan tersebut.

Tambahnya, beliau juga tiada masalah jika ditakdirkan menjadi calon kerusi DUN kerana pelbagai peranan boleh dilakukan demi kemajuan Kedah.

Terdahulu, suasana dewan UMNO Bahagian Jerlun di sini menjadi gamat dengan sorakan apabila Abu Hasan melontarkan cadangan agar Mukhriz diketengahkan sebagai calon Menteri Besar Kedah jika BN berjaya menawan semula Kedah pada pilihan raya umum kelak.

Orang ramai yang hadir kelihatan bingkas bangun berdiri dan menepuk tangan secara spontan kegembiraan sebaik sahaja mendengar cadangan tersebut.

Abu Hassan yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota Siputeh berkata, bahagian itu sentiasa memberi laluan kepada Mukhriz jika mahu bertanding di kerusi DUN Ayer Hitam atau DUN Kota Siputeh atau kekal di Parlimen Jerlun pada pilihan raya umum akan datang.

Katanya, beliau mendapat tahu ada beberapa pihak tertentu yang menawarkan Mukhriz agar bertanding di Langkawi, Sungai Petani, Merbok dan Kubang Pasu.

"Tetapi UMNO Jerlun berpendapat, kami perlu mempertahankan beliau di sini kerana Mukhriz seperti mutiara dan aset kepada kami.

"Kalau Datuk Mukhriz bertanding kerusi DUN dan menang, maka tidak mustahil akan ada menteri besar dari kawasan Jerlun," jelasnya.

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0519&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_08.htm